



MOHD. NOH DALIMIN MERASMIKAN HARI TELEVISYEN SEDUNIA 2012 DI KAMPUS UTHM, BATU PAHAT, JOHOR, BARU-BARU INI.

UTHM anjur HTV 2012

SELARAS dengan ketetapan Pertubuhan Kebudayaan, Saintifik dan Pendidikan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) baru-baru ini telah menganjurkan Hari Television Dunia (HTV).

Program berkenaan yang dianjurkan UTHM buat kali ketiga mengketengahkan televisyen sebagai satu teknologi elektronik yang menjadikan dunia sebagai sebuah perkampungan global.

Hari ini teknologi televisyen kian berkembang pesat terutama kepada revolusi baru gelombang maklumat dan telekomunikasi.

Atas dasar itu UTHM terpanggil untuk meningkatkan kesedaran warganya dan para pengunjung tentang kepentingan dan peranan teknologi maklumat dalam kehidupan manusia.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, selari dengan revolusi komputer, komunikasi dan perkembangan teknologi maklumat, universiti itu telah mewujudkan televisyen Internet yang boleh dicapai di mana sahaja, dikenali sebagai *University Campus Interactive TV* (UCiTv).

"UCiTv berperanan memaparkan pelbagai rakaman video aktiviti akademik dan program-program anjuran universiti.

"Kemampuan yang dimiliki oleh UCiTv ini juga membolehkan pengunjung portal dari seluruh dunia menyaksikan acara-acara utama UTHM secara langsung melalui laman web UTHM yang beralamat di www.uthm.edu.my," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Noh berkata, sejarah program ini diwujudkan apabila UNESCO telah menetapkan senarai tarikh dan hari-hari penting untuk diraikan yang menjadi panduan semua warga dunia untuk menyambut dan memperingati sesuatu peristiwa atau pencapaian dalam pembangunan tamadun dunia.

Selaras dengan misi UNESCO, Hari Televisyen Dunia telah ditetapkan dan disambut di seluruh dunia pada 21 November setiap tahun.